Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

Lepasan SPM perlu bijak buat keputusan demi masa depan

Oleh Dr Mohd Hafiz Zulfakar - Mei 29, 2024 @ 12:10pm
bhrencana@bh.com.my



- Foto hiasan

Keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 diumumkan kelmarin menyaksikan seramai 11,713 daripada 349,297 calon memperoleh keputusan cemerlang, iaitu Gred A+, A dan A- dalam semua mata pelajaran.

Seperti lazimnya, destinasi seterusnya bagi lepasan SPM adalah menyambung pengajian ke peringkat seterusnya, sama ada memilih ke Tingkatan Enam, matrikulasi, diploma mahupun pensijilan profesional dan kemahiran jangka pendek.

Namun, bagi mereka yang memperoleh keputusan kurang memberangsangkan atau tidak berkemampuan menyambung pengajian, pilihan untuk terus melompat ke dunia pekerjaan boleh diberi pertimbangan sewajarnya.

Andai cabang bekerja menjadi pilihan, lepasan SPRM perlu memilih kerjaya dengan waspada. Dunia kerjaya bukan semudah disangkakan. Usah ambil jalan mudah memilih kerja tanpa kajian teliti.

Sebagai contoh, trend semasa, iaitu bekerja sebagai hos jualan siaran langsung di platform dalam talian, menceburi bidang mencipta kandungan atau berjinak-jinak hendak menjadi pempengaruh, selain menjadi pekerja sektor gig.

Walaupun kelihatan seperti santai, bebas dan tidak terikat, kerjaya ini perlu pendekatan menyeluruh dan komitmen serius sekiranya ingin berjaya sepenuhnya.

Bagi mereka yang ingin menyambung pengajian ke menara gading, pilih bidang pengajian mengikut kehendak dan minat sendiri, bukan atas paksaan. Ada ibu bapa mencorak perancangan pengajian tertiari tanpa mengambil kira minat dan kemampuan anak mereka.

Ada ibu bapa memaksa anak mereka menyambung bidang pengajian kurang diminati dan tetap berkeras dengan pilihan mereka. Akibatnya, anak gagal mengadaptasi dengan keperluan bidang berkenaan, mental tertekan sehingga ada yang kecundang, gagal dan disingkirkan di pertengahan tempoh pengajian.

Jika ada berjaya menamatkan pengajian mereka kemudian mengambil keputusan untuk tidak melanjutkan pengajian bidang sama pada peringkat ijazah. Ada juga memilih bekerja di luar bidang pengajian atau kembali ke bidang mereka minati.

Sudah pasti ini serba sedikit merugikan bukan sahaja dari perspektif tenaga kerja industri bidang pengajian terbabit, bahkan tempoh masa dihabiskan anak terbabit.

Ibu bapa perlu rasional, fleksibel dan matang

Dalam hal ini, ibu bapa perlu rasional, fleksibel dan matang dalam mencorak keputusan anak membuat pilihan memilih jurusan diminati. Tidak salah mengidamkan anak melanjutkan pengajian khususnya dalam kursus popular, bidang kritikal dan mampu menjanjikan kerjaya lumayan.

Namun, berikan ruang kelonggaran untuk anak menyuarakan bidang diminati. Ibu bapa perlu berbincang bersama anak membuat pilihan kerana acuan dicorak bukan sahaja untuk masa terdekat, tetapi juga demi masa hadapan mereka.

Andai kata masih buntu, ibu bapa dan lepasan SPM boleh mengunjungi ekspo serta karnival pendidikan untuk mendapat maklumat lebih jelas dan mendalam bidang pengajian ditawarkan institut pengajian tinggi (IPT).

Walau apa pun keputusan akhirnya nanti, sama ada melanjutkan pengajian tinggi atau bekerja, lepasan SPM perlu melakukan perbandingan secara matang dan mendalam.

Ibu bapa dan lepasan SPM usah terlampau mengikut perasaan dan secara terburu-buru membuat keputusan supaya tidak menyesal di kemudian hari. Jangan memilih pengajian sekadar tangkap muat dan pilih kerjaya mampu menjamin masa hadapan.